

Pembelian syarikat judi: MCA terus berdolak-dalik
Malaysiakini.com
January 13, 2011

Di sebalik spekulasi kencang bahawa MCA akan membeli syarikat perjudian Da Ma Cai, anak syarikat Tanjong PLC, nasib presiden parti Cina itu, Datuk Donald Lim terus tidak mahu bercakap mengenainya.

"Setakat pengetahuan saya, tiada maklumat bahawa MCA membeli Da Ma Cai. Sudah tentu, ada spekulasi mengenai isu ini tetapi presiden MCA telah membuat penjelasan.

"Tiada permohonan mengenainya di pejabat saya. Saya juga tidak pasti bahawa syarikat itu hendak dijual," kata Lim yang juga timbalan menteri kewangan.

Dengan industri perjudian, sebahagian daripada portfolio tanggungjawab Lim, beliau juga berdolak-dalih mengenai kemungkinan Da Ma Cai, atau Pan Malaysian Pools Sdn Bhd, diambil-alih oleh pemilik baru.

"Mereka adalah syarikat swasta jadi mereka berhak mencari pemilik baru. Da Ma Cai adalah di bawah lesen Kementerian Kewangan, jadi sudah tentu kita akan memantau.

"Tetapi jika mereka cari pemilik baru, kita tak boleh halang mereka," katanya kepada pemberita pada majlis kebajikan Pan Malaysian Pools sempena tahun baru Cina di Kuala Lumpur pagi ini.

Namun, Lim mengesahkan bahawa beliau akan dimaklumkan atas kapasiti dirinya sebagai timbalan menteri jika Pan Malaysian Pools diambil-alih oleh pihak lain.

Sebelum ini terdapat laporan di portal berita bahawa badan pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn Bhd sedang meninjau mendapatkan pegangan di industri perjudian melalui Tanjong PLC yang dimiliki jutawan Tan Sri Ananda Krishnan berikutan penjualan 42 peratus pegangannya di akhbar berbahasa Inggeris, The Star.

Namun, difahamkan bantahan mengenai rancangan itu juga disuarakan di kalangan pemimpin MCA sendiri, dengan ketua pemudanya, Datuk Wee Ka Siong berkata perniagaan perjudian tidak menarik minat MCA.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek juga sebelum ini telah menafikan laporan berkenaan.